

19/10/1999

PNM bantu Pengajian Melayu, Universiti Victoria

PERPUSTAKAAN Negara Malaysia (PNM) akan terus membantu universiti luar negara yang mempunyai kerusi pengajian Melayu dengan menyumbang buku, alat multimedia dan bahan yang berkaitan dengan budaya Malaysia bagi memudahkan pengkaji mengenali budaya negara ini.

Baru-baru ini mereka menandatangani perjanjian persefahaman membantu pusat sumber pengajian Melayu di Universiti Victoria, Wellington, New Zealand.

Ketua Pengarah PNM mewakili Pengarah Pusat Penyerahan Negara PNM, Dr Wan Ali Wan Mamat menandatangani bagi pihak Perpustakaan Negara.

Dr Wan Ali berkata, untuk permulaan sejumlah 350 naskhah buku, jurnal, cakera padat dan bahan yang berkaitan dengan budaya Melayu seperti gasing dan wau pada pusat berkenaan.

Perjanjian persefahaman itu diadakan sempena Simposium Melayu-Pasifik anjuran Kerusi Pengajian Melayu di universiti itu dengan Kementerian Hal Ehwal Kepulauan Pasifik di Muzium New Zealand, Wellington bulan lalu.

Simposium itu membabitkan pembentangan 15 kertas kerja. Ia dirasmikan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand, Datuk Daniel Tajem manakala ucap utama disampaikan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datuk Dr Anwar Ali.

Dr Wan Ali berkata, selain pusat itu, Universiti Leiden dan Universiti Ohio yang mempunyai Kerusi Tun Abdul Razak yang berkaitan pengajian Malaysia turut menerima bantuan dari PNM.

Katanya, apabila kerajaan mewujudkan kerusi pengajian Melayu di luar negara, adalah menjadi tanggungjawab PNM untuk memberi sokongan kepada pusat itu bagi menarik orang ramai mengenali pengajian Melayu dengan lebih dekat.

Kerusi Pengajian Melayu di Universiti Victoria, Wellington dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia ditaja oleh Kerajaan Malaysia dan New Zealand serta dibantu oleh swasta terutama dari Yayasan Saad.

Prof Hood Salleh dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipilih menduduki kerusi itu dan sekali gus mengetuai Institut Pengajian Asia di universiti berkenaan.

Dengan penubuhan Kerusi Pengajian Melayu, sudah banyak seminar, bengkel dan ceramah dapat diadakan. Sebagai contoh Minggu Sarawak di New Zealand diadakan dengan jayanya pada November-Disember 1997.

Selanjutnya diadakan Simposium Kebudayaan Melayu-Polinesia di Wellington pada Mei 1998 dan diikuti simposium kedua simposium itu di UKM serta Simposium Pengaruh Melayu dalam Komanwel yang diadakan di Universiti Malaya tahun lalu.

Kerusi Pengajian Melayu turut mengambil inisiatif menerbitkan kertas kerja bermutu mengenai topik yang diperbincangkan.

Kerusi Pengajian Melayu di Universiti Victoria, Wellington menjadi pusat rujukan kepada pelajar yang berminat membuat kajian mengenai pengajian Melayu selain turut memberi khidmat nasihat kepada rakyat Malaysia yang ingin melanjutkan pengajian di universiti itu.

Ia turut membantu orang New Zealand yang berminat untuk membuat kajian di Malaysia.

(END)